



KENANGAN...D Kamarudin bersama ahli lembaga pengarah dan pegawai-pegawai utama UMS bergambar bersama kakitangan dan pelajar yang hadir.

# UMS lakukan transformasi pembelajaran, pengajaran 4.0: Naib Canselor

NST 23.3.2018 4

**KOTA KINABALU:** Untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus relevan dan memenuhi aspirasi pemegang taruh di era industri 4.0, UMS akan melaksanakan Transformasi ke Arah Universiti/Industri 4.0, kata Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

"Agenda ini telah disenaraikan sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dalam Pelan Strategik UMS 2018-2020.

"Antara lain transformasi ini akan melibatkan transformasi Pembelajaran dan Pengajaran 4.0 (Learning & Teaching 4.0).


"Ini akan memfokus kepada kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, dan pembelajaran sepanjang hayat.

"Suka saya nyatakan di sini bahawa, salah satu perubahan dalam kurikulum program prasiswazah UMS ialah semua pelajar akan diwajibkan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu kursus berkaitan Industri 4.0 seperti kursus Data Analytics," katanya.

Datuk Dr. D Kamarudin berkata, UMS juga akan bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi membangunkan kurikulum seperti penawaran kursus wajib di atas.

Beliau berkata demikian pada Majlis Amanat Naib Canselor 2018 di hadapan lebih 5,000 kakitangan dan pelajar UMS di Dewan Canselor dan turut disaksikan secara live streaming oleh warga UMS dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan dan Sikuati, Kudat.

"Perancangan untuk transformasi pembelajaran dan pengajaran ini adalah selari dengan apa yang telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato'



SWAFOTO... D Kamarudin merakamkan swafoto bersama pelajar UMS.

Seri Idris Jusoh dalam Amanat 2018 baru-baru ini yang memfokuskan kepada Learning & Teaching 4.0 atau Higher Education 4.0," jelasnya.

Beliau berkata, UMS perlu menerima Industri 4.0 supaya terus relevan kepada pelajar khususnya pelajar generasi Z, sekali gus melahirkan generasi akan datang yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan sesuai dengan keperluan transformasi industri berkenaan.

"Ini kerana Industri 4.0 ini memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal serta kemahiran sosial yang dikenali sebagai 21st Century Skills seperti literasi digital, literasi maklumat, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, keusahawanan, pemikiran kri-

tis, kepimpinan dan kecerdasan emosi.

"Dengan kata lain, UMS perlu menghasilkan graduan future proof, yang mempunyai atribut di atas selain berciri gembira, berdaya tahan (resilient) dan mempunyai emosi yang bijak (emotionally intelligent) serta berkeupayaan dalam mencipta peluang pekerjaan (job creators)," tambah Datuk Dr. D Kamarudin.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein bin Datuk Pengiran Hj. Mohd Tahir Nasruddin, Datuk John Maluda @ Wanji dan Datin Hajah Nurlaila Said serta Pegawai-pegawai Utama dan kanan universiti.